

KOSMO - 1/5/2011 M/S 20

# Busana tradisional dari luar negara

USAHA Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri Malaysia (Perwakilan) menganjur Bazar Kebajikan Antarabangsa Wisma Putra 2011 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) di Kuala Lumpur baru-baru ini berjaya menarik perhatian orang ramai dengan kelainan busana tradisionalnya.

Kebanyakan busana tradisional yang dipamerkan adalah pakaian tradisi negara masing-masing yang dipakai untuk majlis perayaan penting seperti majlis perkahwinan dan hari kemerdekaan.

Wakil Kedutaan Uzbekistan, Ikram Shaazizou berkata, di samping memperkenalkan budaya, pelancongan dan makanan tradisional negaranya, setiap wakil yang hadir memakai pakaian tradisi yang dinamakan chupan.

“Secara tidak langsung, pengunjung

dari pelbagai negara termasuk Malaysia dapat melihat dengan lebih dekat pakaian tradisi dari Uzbekistan,” katanya yang segak mengenakan busana chupan berwarna hitam dan bersulam warna emas.

Ingkar Maksotova yang merupakan wakil Kedutaan Kazakhstan pula memberitahu, busana yang membaluti tubuhnya merupakan pakaian tradisi yang dipakai oleh wanita bujang untuk menghadiri majlis perkahwinan.

“Dres ini tidak dipakai untuk hari-hari biasa dan ia lebih ringkas berbanding busana yang dipakai oleh wanita yang sudah berkahwin,” katanya.

Delegasi dari Indonesia pula tampil dengan busana daripada fabrik batik, tenun, songket dan jumputan yang merupakan fabrik tradisi yang dibawa dari Jawa Tengah, Sumatera dan Palembang.



SEORANG pelanggan mencuba busana daripada fabrik batik di gerai anjuran delegasi dari Indonesia.

Jurucakapnya memberitahu, fabrik yang mereka tampilkan terdapat dalam pelbagai motif, warna dan membawakan pelbagai falsafah tradisional.

“Bagi kain tenun, terdapat pelbagai jenis dan corak sama ada daripada kategori kain tenun putih biasa, tenun limar dan tenun songket yang mempunyai karakter unik masing-masing.

“Bagi fabrik batik pekalongan pula ia turut tampil dengan motif pengaruh dari China, Belanda dan Arab, manakala

fabrik jumputan yang sering dipanggil sebagai fabrik pelangi dibuat menggunakan teknik jumputan (ikat dan mati),” katanya menjelaskan mengenai keunikan fabrik tradisi negaranya.

Dalam pada itu, bazar itu antara lain menampilkan pertunjukan kebudayaan dari pelbagai kedutaan dan pejabat suruhanjaya tinggi, pameran pendidikan serta makanan dari pelbagai negara di seluruh dunia. - ROSMALINA ABDUL KADIR